

Ketidakekapan adalah masalah sejagat

"Bad management and incompetence cause of unharvested sugar," kata kepala di sebuah akhbar mingguan luar negeri September 20, 1981. Berita berikutan yang berpunca dari Moscow berkata, pengurusan yang buruk dan ketidakekapan telah menyebabkan beratus-ratus ribut "sugar beet" (lobak gula, iaitu sumber gula seperti lobu di negara kita) terbiar dan tidak dituai di sebuah ladang di Soviet Union.

Akhbar harian "Soviet'skaya Bessiya" menambah bahawa pengeluaran lobak gula, biji-bi-

jan, daging dan susu telah menurun semenjak beberapa tahun kebelakangan ini di daerah Kursk, di kawasan tanah hitam yang subur di Russia.

Akhbar yang sama menyalahkan pengurusan yang buruk, ketiadaan minat dan ketidakekapan di kalangan kakitangan agensi-agensi kerajaan. Akhbar berkata lagi, lobak yang terbiar itu sepatutnya sudah lama dipungut.

Komen Penulis:

Berita ini menunjukkan bahawa ketidakekapan di kalangan kakitangan agensi-agensi kerajaan (dan jabatan-jabatan kerajaan) adalah masalah sejagat, yakni tidak terhad kepada sesebuah negara tertentu sahaja. Dengan itu, usaha

"Pentadbiran 2-M" untuk mewujudkan di negara ini sebuah kerajaan yang benar-benar licin, cekap dan bersih bolehlah dideskraibkan sebagai "an uphill task", yakni satu kerja yang bukan mudah untuk dilaksanakan. Dengan itu hasrat Perdana Menteri Dr. M itu tidak akan menjadi kenyataan tanpa kerjasama yang sepenuhnya dari rakyat dan pemimpin-pemimpin masyarakat.

Maksud: Rakyat hendaklah sentiasa bersedia menyampaikan maklumat kepada kerajaan (melalui Biro Pengaduan Awam ataupun Biro Siasatan Negara) bila sahaja mereka dijadikan mangsa ketidakekapan (atau penyelewengan) oleh kakitangan pejabat kerajaan atau agensi kerajaan.

Mengenal peranan pemimpin-pemimpin pula, mereka hendaklah (demi kepentingan negara pada keseluruhannya) cuba sebarang upaya menyesuaikan diri dengan matlamat pentadbiran baru (secara berdasarkan kepada motto: "Berdisiplin dan Berharmoni") dan dengan itu memberi kerjasama yang tidak berbelahbagi kepada pucuk pimpinan Kerajaan Pusat dengan, umpamanya, memastikan kakitangan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan di kawasan masing-masing menjalankan tugas mereka dengan cekap, jujur dan dedikasi dan tidak sebaliknyanya, yakni, seperti berlaku di setengah-setengah negara di seberang laut di mana (dengan sebab tertentu) pemimpin-pemimpin atasan di peringkat negeri, khabarnya,

menganggap pegawai-pegawai kerajaan sebagai kadam peribadi dan menggalakkan mereka supaya membelakangkan kecekapan dan kejujuran, dengan memberi "reward" (hadiah) kepada mereka yang "cincai" dan korap, sementara mengenakan hukuman mengikut nafsu ke atas mereka yang berkhidmat dengan jujur, bersih dan cekap.